

Jumlah cawangan pusat penuaan aktif naik lebih tiga kali ganda

Tambah dari 60 cawangan pada 2021 kepada 214 pada 2024; terkini dibuka di Bukit Panjang

► INSYRAH MOHD SHUKOR
insyrahm@spoh.com.sg

Bilangan Pusat Penuaan Aktif (AAC) meningkat lebih tiga kali ganda daripada 60 pada 2021 kepada 214 cawangan hari ini, dan berada di landasan yang betul untuk mencapai 220 cawangan menjelang 2025.

Mengumumkan demikian semasa pembukaan Pusat Penuaan Aktif Vanguard @ Pusat Kesejahteraan 3G di Bukit Panjang pada 2 Disember, Menteri Ehsan Lue yang juga Anggota Parlimen (AP) GRC Holland-Bukit Timah, Dr Vivian Balakrishnan, berkata pusat itu dapat menyokong warga emas yang tinggal di sekitar kawasan tersebut.

Beliau menambah, pusat AAC itu, yang merupakan usahasama Vanguard Healthcare dan Keluh Masyarakat (CK) Seng Guan, bakal menyediakan ruang untuk inkubasi penjagaan kesihatan mendokuti dan membantu warga emas di Bukit Panjang dengan lebih baik.

Vanguard Healthcare ditubuhkan pada 2015 dengan tujuan menyokong dan menyumbang kepada pembangunan perkhidmatan penjagaan warga emas di Singapura.

Ini kini mengenditkan lima rumah rawatan, empat pusat jagaan warga emas dan dua pusat pemuatan aktif.

Belia Pegawai Eksekutif (CEO) Vanguard Healthcare, Cik Chan Wei Ling, berkata pelancaran Pusat Penuaan Aktif Vanguard @ Pusat Kesejahteraan 3G bakal memperluaskan pelbagai kegiatan yang lebih luas untuk membantu warga emas, serta kekal aktif dan terlibat.

"Lokasi strategik AAC dalam taman kejiranan dan Khorin Pang tua membolehkan pusat ini memudahkan penokitan semula jadi, memperkayakan program dalam dan luar rumah, di samping memupuk kegiatan antara generasi dalam satu masyarakat," kata Cik Chan.

Menurut kenyataan akhbar, kerjasama itu bakal memberi manfaat kepada lebih 1,600 warga emas di kawasan Bukit Panjang.

Semasa pelancaran pusat tersebut, Dr Vivian berkata jumlah penduduk yang semakin membesar adalah perkembangan yang tidak dapat dielakkan di Singapura.

"Sekurang-kurangnya 21 peratus daripada penduduk kita bakal berusia 65 tahun dan ke atas menjelang 2026," ujar Dr Vivian.

Oleh itu, warga emas yang lebih tua mungkin memerlukan lebih banyak rawatan perubatan.

Namun, Dr Vivian juga menambah bahawa komuniti warga emas di Singapura masih "muda".

"Walaupun sesetengah mungkin memerlukan rawatan perubatan, kebanyakannya masih aktif, sihat dan menjalani kehidupan yang bermakna," tambahnya.

Menurut beliau, warga emas ingin terus belajar, menyumbang sebagai sukarelawan dan menjalani kehidupan tersendiri.

Oleh itu, pusat AAC boleh menjadi tempat untuk membantu warga emas yang mudah terjejas dan bagi mereka yang ingin mendapatkan nasihat untuk dirujuk kepada sesetengah khidmat penjagaan.

"Ia juga tempat bagi warga emas bertemu dengan rakan-rakan hobi yang sama dan serta pelbagai kegiatan sosial," kata Dr Vivian.



Menteri Ehsan Lue yang juga Anggota Parlimen (AP) GRC Holland-Bukit Timah, Dr Vivian Balakrishnan (empat dari kiri), diberi taklimat tentang Pusat Penuaan Aktif Vanguard @ Pusat Kesejahteraan 3G di Bukit Panjang semasa pembukaannya pada 2 Disember. — Foto BH oleh SHAFIQ APANDI